



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SEPTEMBER 2025

FIQH AL-WATAN SEBAGAI TATACARA KEHIDUPAN BERTANAH AIR NEGERI PAHANG

12 SEPTEMBER 2025 | 19 RABIULAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ
كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Agama Islam adalah satu sistem kehidupan yang lengkap. Ia meliputi segenap ruang kehidupan secara individu, keluarga, organisasi, masyarakat, negara dan antarabangsa.

Kehidupan bernegara atau bertanah air adalah antara ruang utama bagi memenuhi kesempurnaan Islam. Justeru, ruang kehidupan bertanah air memerlukan kepada satu tatacara atau kaedah berdasarkan ilmu dan amalan Islam yang dinamakan Fiqh al-Watan.

Fiqh al-Watan mengandungi dua konsep utama iaitu “Fiqh” dan “Watan”. “Fiqh” bermaksud kefahaman mendalam tentang sesuatu perkara manakala “Watan” pula bermaksud tempat yang dijadikan tanah air sama ada disebabkan kelahiran atau tempat tinggal seseorang.

Justeru Fiqh al-Watan boleh ditakrifkan sebagai ilmu dan amalan tentang kaedah-kaedah pemerintahan dan pentadbiran tanah air berpandukan aqidah, syariah dan akhlak Islam. Ia dilaksanakan dengan mengambil kira konteks sejarah dan budaya tempatan yang telah wujud sejak zaman berzaman. Selain dari itu, ia menggarap perkembangan dan keperluan semasa demi memelihara kedaulatan, kerukunan dan kelestarian watan.

Lazimnya, kehidupan bertanah air dibahagikan kepada tiga bidang utama, iaitu: pertama, politik dan pentadbiran; kedua, sosial dan budaya; dan ketiga alam sekitar dan ekonomi. Selari dengan kelaziman ini, Fiqh al-Watan dalam konteks Negeri Pahang meliputi kesultanan sebagai teraju pemerintahan negeri, adat resam sebagai cara kehidupan sosial dan budaya penduduk tempatan, dan alam sekitar sebagai asas dan sumber kemajuan ekonomi dan industri.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Fiqh al-Watan meletakkan kesultanan sebagai teraju Kerajaan. Sultan adalah ketua negeri dan agama, yang wajib ditaati oleh setiap rakyat seperti yang diperintahkan oleh Allah Taala dalam surah al-Nisa', ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta ulil amri (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu! Kemudian, jika kamu berbeza pendapat (berselisihan) dalam

sesuatu perkara, maka kembalikanlah kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan Rasul-Nya (sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagimu) dan lebih elok pula kesudahannya.”

Kesultanan merupakan tonggak kepada kesempurnaan urusan agama dan dunia. Dengan menegakkan keadilan, memelihara ketinggian Islam dan menyantuni rakyat, Sultan memainkan peranan yang amat besar di sisi Islam, justeru baginda wajib dimuliakan.

Ingatlah memuliakan Sultan, bererti kita memuliakan orang yang diangkat oleh Allah Taala, lalu Allah Taala pun memuliakan kita. Sebaliknya, jika kita menghina orang yang diangkat oleh Allah Taala, ancaman kehinaan akan menimpa kita sebagaimana sabda Nabi Sallallahu`alaihi wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Tirmidzi:

مَنْ أَهَانَ سُلْطَانَ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ أَهَانَهُ اللَّهُ.

Yang bermaksud: “Sesiapa yang menghina “Sultanallah” (pemimpin yang diangkat oleh Allah) di muka bumi, nescaya Allah akan menghinaanya”.

Maka jelaslah, ketaatan kepada Sultan meliputi kedua-dua urusan agama dan dunia yang jika diabaikan, runtuhlah ketinggian agama, kestabilan negeri, kesatuan rakyat dan kelancaran pentadbiran kerajaan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Fiqh al-Watan juga menekankan kepentingan adat resam. Dalam konteks ini, adat resam bermaksud amalan daripada interaksi antara ajaran Islam dengan cara hidup tempatan. Ia selaras dengan Kaedah Fekah iaitu, "al-'adah muhakkamah" yang bermaksud adat boleh menjadi hukum Islam jika tidak bercanggah dengan syarak.

Fiqh al-Watan berperanan memelihara jatidiri keislaman watan dengan menyantuni adat resam yang berpandukan syariat. Sejak dahulu lagi, umat Melayu hidup berteraskan falsafah: "Adat bersendi Syarak, Syarak bersendi Kitabullah."

Akhir sekali, Fiqh al-Watan turut menegaskan kelestarian alam sekitar. Tanah, hutan, sungai, bukit, pantai, haiwan-haiwan dan seluruh alam sekitar adalah amanah Ilahi yang dipertanggungjawabkan kepada kita sebagai khalifah. Malangnya, alam sekitar ini telah menjadi mangsa kepada kerakusan dan ketamakan kita. Tanah diceroboh, hutan digondol, sungai dicemari, bukit ditarah dan pantai dikotori, manakala

haiwan dan habitatnya dimusnahkan. Di bumi Pahang Darul Makmur yang kita cintai ini, marilah kita melaksanakan amanah khalifah Allah yang bertanggungjawab dalam memelihara kelestarian alam.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Sebagai kesimpulan, Fiqh al-Watan menjelaskan bagaimanakah negeri ini diperintah dan ditadbir mengikut acuan Islam. Fiqh al-Watan bukanlah sesuatu perkara baru kerana sejak lebih 500 tahun kewujudan kesultanan dan peradaban Islam di Pahang, ia telah mengatur sistem pemerintahan dan pentadbiran negeri. Penghasilan Hukum Kanun Pahang pada tahun 1592 dibawah pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhiuddin Shah, Raja Pemerintah Pahang ke-14, adalah kemuncak keilmuan dari sudut perundangan, perlembagaan dan penulisan Fiqh al-Watan di bumi bertuah ini.

Fiqh al-Watan telah menjadi tatacara Daulah Islam Pahang selama 555 tahun, bermula daripada pemerintahan Sultan Muhammad Shah sebagai Raja Pemerintah Pahang ke-3 pada tahun 1470 sehinggalah tahun 2025, yang kini diterajui oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, sebagai Raja Pemerintah Pahang ke-34. Sesungguhnya Fiqh al-Watan merupakan warisan ilmiah dan siyasah yang perlu dihayati oleh seluruh rakyat Pahang bagi mengatur

kehidupan bertanah air mengikut lunas-lunas Islam dan unsur-unsur watan. Berkat dengan usaha ini, Pahang Darul Makmur akan menjadi sebuah Negeri “Baladun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur” seperti yang disebut dalam al-Qur’an, InsyaAllah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ
وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.